

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

Analisa Permasalahan Pelajar Khas Terhadap Bahasa Komunikasi, Kemahiran dan Minat Dalam Kursus SVF3016 – Projek Fesyen Sijil Kemahiran Rekabentuk Fesyen & Pakaian

Norazlinda binti Gaman^a, Mohd Izswan bin Mohd Sidik^b, Nafsiah binti Sairi^c

^{a,b,c}Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual
Politeknik Ibrahim Sultan, Johor.

^aazlindagaman@gmail.com ^bizswanmsidik@gmail.com ^cnafsiahqusyairi@gmail.com

Abstrak

Sijil Kemahiran Rekabentuk Fesyen & Pakaian dibangunkan untuk memperkenalkan pelajar kepada trend semasa dalam industri fesyen dan peranan pakaian sebagai medium komunikasi, bukan sekadar keperluan asas. Pelajar juga didedahkan dengan kemahiran interpersonal serta pengetahuan asas keusahawanan dalam menghadapi cabaran dunia pekerjaan. Kajian analisa permasalahan pelajar khas ini timbul dan dikupas semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi kursus SVF3016 – Projek Fesyen, semester 3 bagi program Sijil Kemahiran Rekabentuk Fesyen dan Pakaian (KFP), Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan, Johor. Metodologi kepada kajian yang dilaksanakan berbentuk kualitatif melibatkan pelajar semester 3 bagi sesi Jun 2020 seramai 10 orang yang bertindak sebagai responden dengan pengumpulan data menerusi sesi temu bual kumpulan sasaran (*interview focused group*). Objektif kajian dilaksanakan bertujuan menyatakan permasalahan pelajar yang kerap berlaku dalam Program Kemahiran Khas ini. Permasalahan yang timbul adalah kerana sikap pelajar yang kurang membaca dan kurang berusaha mendapatkan maklumat bagi keperluan silibus SVF3016 ini. Dapatan kajian dianalisa menggunakan kaedah analisa tematik (*thematic analysis*) untuk mengetahui permasalahan yang timbul agar kaedah penambahbaikan secara berterusan dapat dilakukan. Kajian ini juga merungkai permasalahan kod tangan yang digunakan oleh pensyarah untuk menggunakan bahasa isyarat dan kod tangan yang terhad serta buku rujukan yang kurang sesuai. Rekabentuk kajian melalui kajian kes ini dan hasil kajian mendapati refleksi penglibatan pelajar ini dapat memberi penemuan positif kerana kemahiran pelajar dapat dikesan, digilap serta dilatih secara berterusan seiring dengan visi dan misi Jabatan Pendidikan Politeknik iaitu Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Pengajian TVET merupakan pendidikan secara formal dan tidak formal mempersiapkan para pelajar untuk pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam menempuh dunia pekerjaan.

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

Kata kunci: Pelajar Kemahiran khas, masalah pemahaman, SVF3016- Projek Fesyen

1.0 PENGENALAN

Program Sijil Kemahiran Rekabentuk Fesyen dan Pakaian telah ditawarkan di politeknik untuk memberikan peluang kepada graduan bermasalah pendengaran untuk memperkembangkan potensi diri dan kerjaya di dalam bidang ini. Program ini menawarkan pelbagai kursus seperti Aplikasi Komputer, Keusahawanan, Asas Rekaan Fesyen, Pola Pakaian, Kajian Fabrik, Pembuatan Pakaian Wanita, Pembuatan Pakaian Lelaki dan Peragaan Barangan. Pelajar juga diperkenalkan dengan beberapa kursus yang baru seperti Pembuatan Sampel Pakaian, Sulaman, Jahitan Kreatif dan Projek Fesyen yang menjadi nilai tambah dalam program yang ditawarkan. Sijil Kemahiran Rekabentuk Fesyen & Pakaian dibangunkan untuk memperkenalkan pelajar kepada trend semasa dalam industri fesyen dan peranan pakaian sebagai medium komunikasi, bukan sekadar keperluan asas. Pelajar didedahkan dengan kemahiran interpersonal serta pengetahuan asas keusahawanan dalam menghadapi cabaran dunia pekerjaan. Pelajar turut diperkenalkan dengan pembuatan sampel pakaian, teknik mendraf pola pakaian dan teknologi pembuatan pakaian.

Pelajar akan diperkenalkan dengan pelbagai teknik prinsip asas rekaan dan kajian fabrik yang membantu pelajar mengenali jenis-jenis fabrik serta sumber pembuatannya. Kursus sulaman diperkenalkan sebagai elemen tambahan bagi menjana idea dan kreativiti pelajar dalam menghasilkan hiasan bertekstur yang pelbagai. Pelajar didedahkan kepada amalan dan strategi yang efektif dalam peragaan barangan. Kursus projek yang diperkenalkan di semester akhir memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan segala elemen dan prinsip rekaan dalam menghasilkan koleksi rekaan pakaian akhir.

1.1 Projek akhir

Projek Fesyen (SVF3016) merupakan tugas yang akan dihasilkan oleh pelajar sebagai projek akhir mereka, iaitu menyiapkan sepasang pakaian malam atau kasual yang lengkap. Pengetahuan dalam kursus-kursus terdahulu diaplikasikan sebagai keperluan bagi melaksanakan kursus ini. Projek ini dimulakan dengan memberi brif projek, menyediakan portfolio iaitu menjalankan kajian, menyenaraikan idea, menghasilkan rekaan pakaian, menjahit pakaian akhir, pembentangan portfolio dan laporan akhir. Kursus yang ditawarkan oleh program Sijil Kemahiran ini adalah satu peluang kepada pelajar yang berkelainan upaya seperti cacat pendengaran dan bisu dalam mengasah bakat dan kemahiran. Kursus ini menyediakan kemahiran tertentu yang menepati revolusi industri 4.0 agar mereka mendapat tempat dan peluang pekerjaan dalam sektor yang berkaitan dengan kemahiran mereka.

Setiap insan yang dilahirkan didunia mempunyai tahap kecerdasan dan kebolehan tertentu dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran. Kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan IQ dibantu dengan kesempurnaan pancaindera mampu membuatkan kanak-kanak bertahan dalam menerokai kehidupan. Bagi kanak-kanak yang kurang sempurna sama ada dari segi kecerdasan IQ ataupun pancaindera membuatkan mereka terasing dan kurang daya tahan dalam menerokai kehidupan. Bagi memenuhi hak dan keperluan setiap kanak-kanak, pendidikan dan pembelajaran adalah penting dalam merangsang pancaindera dalam merekod suatu pengalaman (Seman et al., 2016). Justeru, setiap kanak-kanak perlu mendapatkan pendidikan yang mencukupi dalam membekalkan mereka nilai-nilai serta rasional dalam sesuatu pengalaman. Hal ini menjadikan suatu yang sukar kepada kanak-kanak yang mengalami kecacatan fizikal atau kelainan upaya dalam mengadaptasi rasional persekitaran mereka. Pelbagai masalah wujud seperti kesukaran menguasai ilmu pengetahuan dan memahami pembelajaran menyebabkan mereka ketinggalan dari segi akademik dan kokurikulum. Permasalahan ini bukan sahaja wujud di peringkat awal pendidikan malah juga di peringkat menengah serta di institusi pengajian tinggi (Mohd Tahir, Lokman, Mustaffa, Nurul Qistin dan Mohd Yassin, 2009).

Peranan ibu bapa dan guru-guru dalam mendapatkan pendidikan adalah perkara yang paling penting untuk mendorong mengukir kejayaan dalam kerjaya seseorang. Satu contoh yang terbaik, Hellem Keller seorang insan yang tidak mampu untuk menggunakan pancaindera mata dan cacat pendengaran untuk meraih kejayaan dengan muncul menjadi insan yang terpelajar hasil didikan gurunya Ann Salivvan. Hasil kejayaan beliau terukir sebagai suatu sejarah iaitu orang kelainan upaya juga mampu menghasilkan kejayaan dalam kehidupan mereka. Ini memperlihatkan di sebalik kejayaan Hellen Keller terdapat faktor penting dan peranan yang dimainkan oleh seorang guru yang dedikasi dan semangat yang tinggi hingga menjadikan anak muridnya berjaya. Pengorbanan yang dilakukan oleh Ann Sullivan membuktikan bahawa orang kurang upaya juga boleh berjaya sekiranya diberi pendidikan dengan menggunakan metodologi yang sesuai. Di sebalik kejayaan Hellen Keller memperlihatkan suatu faktor penting yang wujud dan diperankan oleh seseorang guru yang berdedikasi dengan semangat yang tinggi untuk melihat kejayaan pelajarnya. Ann Sullivan telah membuktikan bahawa pengorbanan yang telah dilakukan oleh beliau dengan menunjukkan bahawa orang kelainan upaya juga boleh meraih kejayaan sekiranya didikan yang dilaksanakan menggunakan kaedah yang sesuai (Hj Nor & Rashed, 2018).

Kemudahan untuk insan-insan kelainan upaya ini seperti sekolah pendidikan khas, program pendidikan khas integrasi telah tersedia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mereka sama-sama menggunakannya. Golongan kelainan upaya seperti cacat pendengaran, dan bisu juga menerima dan memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang ditambahbaik dari masa ke semasa selaras dengan pertambahan insan-insan kelainan upaya di negara ini tetapi pencapaian akademik pelajar-pelajar khas ini masih di peringkat rendah. Isu-isu pencapaian akademik yang rendah ini telah dibincangkan oleh para penyelidik dan kajian juga memperlihatkan masalah bahasa, kurang yakin dengan pencapaian sendiri, motivasi diri, pencapaian kognitif diri yang lemah, kurang untuk fokus dalam bilik kuliah menjadi punca utama kelemahan pelajar (Hj Nor & Rashed, 2018).

Menurut (Salleh, 2020) jika dilihat dari segi keupayaan, pelajar pekak mempunyai kecerdasan kognitif sama seperti pelajar normal. Namun, perkembangan pembelajaran menjadi sukar kerana mereka menghadapi masalah bahasa dan komunikasi. Tatabahasa isyarat kod tangan berbeza berbanding Bahasa Melayu pertuturan. Masalah utama pendidikan khas untuk individu yang mempunyai kecacatan pendengaran, kecacatan penglihatan dan bisu ialah kaedah komunikasi dengan memberi penekanan bahasa. Permasalahan ini telah diberi perhatian dalam sistem dan falsafah pendidikan di Malaysia. Pelajar-pelajar khas yang mempunyai cacat pendengaran muncul sebagai golongan yang sukar untuk berkomunikasi dengan berkesan oleh guru mahupun tenaga pengajar kerana mereka tidak dapat mendengar apa sahaja yang dinyatakan dan diinginkan oleh guru ataupun tenaga pengajar semasa menyampaikan maklumat dan bergantung secara dominan kepada bahasa isyarat.

Penggunaan bahasa adalah teras perhubungan yang utama dalam sesuatu proses berkomunikasi. Ia juga merupakan medium yang efektif dalam proses berkomunikasi untuk penyampaian maklumat di antara pihak sejak dahulu lagi. Sistem komunikasi menjadi lengkap dan sempurna jika bahasa dijadikan elemen utama agar wujud tindakbalas ke atas maklumat yang diterima. Peranan bahasa sangat penting dalam aktiviti komunikasi seharian. Penggunaan bahasa secara lisan bagi kebanyakan insan yang normal sementara bahasa isyarat pula merupakan metod utama dalam urusan komunikasi yang melibatkan golongan cacat pendengaran dan bisu (Saleh & Intelek, 2016).

Penggunaan bahasa isyarat bagi golongan cacat pendengaran merupakan salah satu mekanisme atau alternatif komunikasi yang digunakan oleh golongan cacat pendengaran yang serius (Alias et al., 2016). Menurut (Wilbur, 2013) bahasa isyarat boleh digunakan oleh golongan yang mempunyai masalah untuk bertutur iaitu golongan yang sukar mempelajari bahasa melalui pertuturan, percakapan dan golongan yang tidak boleh mendengar. Penggunaan bahasa isyarat, percakapan dan ejaan adalah satu kaedah untuk berkomunikasi utama bagi golongan yang mempunyai cacat pendengaran. Walaubagaimanapun, penerimaan pelajar berkeperluan khas ini dalam sektor pekerjaan masih relevan dan menjadi kelebihan untuk diterima bekerja dalam pelbagai bidang dan penerimaan baik sektor swasta juga membuktikan mereka mampu berdaya saing dan juga mampu menyumbang kepada keperluan negara dan malahan ada dikalangan mereka memiliki kemahiran tinggi yang lebih baik dari insan yang normal (Mohd Rafi Mamat, 2018).

1.2 Kemahiran komunikasi

Komunikasi memainkan peranan yang amat penting dalam penyampaian objektif pengajaran di antara guru / tenaga pengajar dan pelajar bagi memastikan seluruh isi pelajaran yang hendak di ajar dapat disampaikan dan pelajarinya dapat menerima pengajaran dengan jelas serta boleh membuat interpretasi yang tepat dalam pengajaran tersebut. Penggunaan komunikasi yang digunakan secara cekap dan tepat dalam segala situasi juga akan dapat menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran dan ia akan dapat dilakukan dengan sempurna dan ini seterusnya akan dapat mempertingkatkan pemahaman para pelajar dalam setiap pengajaran yang dipelajarinya.

1.3 Definisi konsep

Orang Kelainan Upaya (OKU) khususnya pelajar boleh dirujuk sebagai pelajar yang cacat pendengaran yang masih lagi menuntut di institusi pendidikan menengah; sekolah menengah Pendidikan Khas atau Program Pendidikan Khas Integriti. Sesetengah pelajar memilih berkomunikasi secara bertutur dengan menggunakan bahasa isyarat dan penggunaan bahasa isyarat lebih dominan kepada golongan yang mengalami cacat pendengaran. Persekitaran pergaulan pelajar ini disebabkan kerana mereka hanya berkelompok sesama mereka sendiri. Penggunaan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) digunakan oleh pelajar-pelajar bagi tujuan komunikasi semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku (Mohd Tahir, Lokman. Mustaffa, Nurul Qistin dan Mohd Yassin, 2009).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

- 2.1 Penggunaan Bahasa isyarat dalam berkomunikasi yang berbeza diantara pelajar dan tenaga pengajar. Hal ini dibuktikan dengan hasil penelitian ketika PdP berlangsung menunjukkan pelajar menggunakan bahasa isyarat yang tidak formal.
Hal ini dikhuatiri kerana Bahasa isyarat yang tidak formal ini telah digunakan seawal didikan rendah sehingga ke alam didikan menengah. Penggunaan Bahasa isyarat yang tidak mematuhi standard Bahasa Isyarat Kebangsaan dikalangan para pelajar ini akan menyebabkan komunikasi 2 hala diantara pelajar dan tenaga pengajar tidak berkesan. Pencapaian pelajar cacat pendengaran dalam bidang akademik masih lagi berada pada tahap yang rendah. Terdapat kajian yang diperolehi menunjukkan pelajar-pelajar khas ini bukan sahaja berlainan malah hasil penulisan mereka juga berbeza daripada menggunakan bahasa isyarat dalam kehidupan seharian. Pelbagai faktor dipertemukan seperti kemahiran membaca yang rendah menjadi faktor utama untuk pelajar-pelajar ini menguasai kemahiran bahasa dengan baik. Penguasaan bahasa yang baik dan berkesan perlu ada supaya maklumat dapat disampaikan kepada penerimanya dalam mewujudkan komunikasi antara manusia. Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) adalah dua jenis kaedah dalam penyampaian dalam berkomunikasi bagi pelajar-pelajar khas ini. Penggunaan Kod Tangan Bahasa Melayu lebih kepada bahasa isyarat formal dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran manakala Bahasa Isyarat Malaysia dikenali sebagai ‘bahasa pasar’ yang penggunaannya dalam perbualan seharian mereka. Kedua-dua kod mempunyai kelebihan dan kekurangan namun penggunaan KTBM digalakkan untuk membentuk dan melazimi pelajar-pelajar khas agar berbahasa dengan komunikasi yang berkesan (Bahasa et al., 2015).
- 2.2 Permasalahan bahasa yang dialami mempengaruhi kemahiran diri seseorang pelajar. Hal ini dapat dikaitkan dengan hasil pembelajaran yang tidak menepati brif tugas dibentangkan. Hasil dapatan pembelajaran pelajar tidak memberangsangkan kerana kesalahfahaman dalam tugas yang diberikan.
- 2.3 Berpunca daripada kesalahfahaman membuatkan pelajar kelainan upaya ini ketinggalan dan seterusnya hilang minat dalam pembelajaran dan pelaksanaan tugas. Dilihat dalam sesi P&P pelajar kerap merasa bosan dan hilang rasa minat dalam melaksanakan tugas.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual sebagai instrumen kajian. Kajian soal selidik ini dijalankan berdasarkan dengan menggunakan ‘Temubual Kumpulan Fokus’ *interview & focused group* (FGD) iaitu pelajar-pelajar yang terlibat dalam PdP. Sasaran kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar Program Sijil Kemahiran Rekabetuk Fesyen & Pakaian, KFP3 Jabatan Rekabetuk & Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor. Analisa data diperolehi dengan temu bual berstruktur dan dianalisa dengan menggunakan *Thematic analysis*.

4.0 MASALAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan terhadap 10 pelajar khas kelainan upaya mendapati beberapa permasalahan terhadap faktor bahasa, kemahiran, dan minat pelajar tersebut. Hal ini dilihat ketika pelaksanaan kelas SVF3016-Projek Fesyen dalam penghasilan projek akhir pakaian malam atau kasual. Pelajar tidak dapat memahami arahan serta tidak dapat melaksanakan tugas berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan. Hal ini merujuk kepada konteks bahasa dalam komunikasi dua hala antara pelajar dan tenaga pengajar. Beberapa dapatan permasalahan diperolehi dengan menunjukkan beberapa perkara yang mungkin menjadi punca kepada cabaran-cabaran kepada tenaga pengajar bagi kursus SVF3016 – Fesyen Projek semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Terdapat beberapa isu yang timbul seperti kaedah penggunaan Bahasa Isyarat yang kurang berkesan iaitu komunikasi 2 hala yang tidak mampu untuk memastikan para pelajar khas ini untuk memahami setiap penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Tahap penguasaan Bahasa Isyarat yang kurang dikalangan tenaga pengajar dan Kod Bahasa Isyarat yang berbeza dengan para pelajar. Di peringkat awal didikan pelajar-pelajar khas ini, penggunaan kod bahasa isyarat yang digunakan berbeza dengan didikan di peringkat pengajian tinggi. Perkara seperti ini berlaku berpunca kepada Kod Bahasa Isyarat yang telah digunakan oleh pelajar adalah peringkat asas sahaja berbanding dengan Kod Bahasa Isyarat yang telah diguna pakai di peringkat institusi tinggi. Penterjemahan dan bentuk isyarat tertentu di peringkat institusi pendidikan tinggi juga terhad kepada pemahaman pelajar khas dengan penggunaan kosa kata yang perlu dieja satu persatu bagi kefahaman setiap pelajar khas secara berterusan. Faktor kemahiran adalah salah satu item kepada permasalahan yang wujud dikalangan pelajar-pelajar khas ini. Mereka kurang keyakinan untuk mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari semasa semester satu dan dua di mana kemahiran asas yang terbina dalam diri pelajar pada tahun satu perlu digunakan sepenuhnya ketika berada di tahun akhir.

5.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 5.1. Mengetahui tahap kefahaman pelajar khas dari segi Bahasa dalam komunikasi
- 5.2. Mengetahui tahap kemahiran pelajar khas
- 5.3. Menilai minat pelajar khas dalam kelas Projek Fesyen

6.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk memupuk kesedaran terhadap pelajar dan tenaga pengajar dalam menangani permasalahan pelajar-pelajar kelainan upaya dalam pembelajaran. Hal ini merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam Program Sijil Kemahiran Rekabentuk Fesyen iaitu kursus SVF3016 – Projek Fesyen. Kajian dilakukan bagi melihat punca permasalahan yang berlaku terutama para pelajar semester akhir ini yang perlu bersiap sedia untuk menempuh semester 4 iaitu latihan industri. Sekiranya segala permasalahan dapat dikenalpasti di peringkat awal tenaga pengajar mampu menyediakan langkah awal bagi membantu aktiviti P&P. Justeru kajian ini dapat meningkatkan kualiti kefahaman, kemahiran dan minat pelajar.

7.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dianalisa menggunakan kaedah analisa tematik (*thematic analysis*) untuk mengetahui permasalahan yang timbul agar kaedah penambahbaikan secara berterusan dapat dilakukan. Melalui kajian ini, dapatan kajian akan melibatkan bagaimana data dianalisa dan ditunjukkan dalam bentuk jadual. Huraian terhadap analisis data juga dilakukan berdasarkan hasil dapatan yang telah diperolehi melalui:

7.1 Demografi

- a. Berapa ramai responden jantina lelaki atau perempuan
- b. Berapa ramai pelajar semasa dan pelajar yang akan melalui Latihan Industri

7.2 Jadual Tematik

- a) Faktor bahasa
- b) Faktor kemahiran
- c) Faktor minat

7.3 Sampel soalan kajian

Jadual 1 menunjukkan soalan kajian berdasarkan tema-tema yang dipilih

No. Soalan	Soalan Kajian	Tema
Soalan Kajian 1	Adakah anda faham penggunaan bahasa isyarat yang digunakan oleh pensyarah?	Faktor Bahasa
	Adakah anda faham istilah fesyen yang digunakan dalam nota yang diberi?	
Soalan Kajian 2	Apakah kemahiran teknikal yang anda miliki sebelum masuk ke Politeknik?	Faktor Kemahiran
	Apakah perubahan kemahiran yang anda dapat selepas semester 2?	
Soalan	Bagaimana anda mendapatkan bahan rujukan untuk kursus Projek Fesyen	
	Apakah yang anda gemar lakukan semasa berada di asrama	

Kajian 3

Adakah anda berminat melayari internet atau membaca majalah berkaitan fesyen

Faktor Minat

7.4 Soalan Kajian 1

Jadual 2 menunjukkan soalan kajian 1 dengan tema; Bahasa

Responden	Tema: Bahasa
Responden 1	Boleh kurang faham isyarat pensyarah, saya lebih faham jika nota dalam bahasa inggeris
Responden 2	Kadang-kadang ada bahasa isyarat pensyarah yang tidak faham saya guna isyarat KTBM (Kod Tangan Bahasa Malaysia), jika eja perkataan tersebut saya faham tapi perlukan penerangan lanjut dengan isyarat
Responden 3	Saya lebih faham isyarat pensyarah sebab ada contoh, jika isyarat sahaja kadang-kadang ada yang saya tidak faham, jika nota yang diberi biasanya saya tunggu isyarat dari pensyarah atau tanya kawan
Responden 4	Saya boleh faham isyarat pensyarah dan boleh baca gerak mulut, saya boleh faham perkataan dalam nota yang pensyarah beri
Responden 5	Saya faham isyarat pensyarah tapi, beberapa perkataan yang baru saya jumpa terutama semasa semester 2 kelas Rekaan Pakaian
Responden 6	Saya tidak tahu berbahasa isyarat tapi saya boleh mendengar jika pensyarah cakap kuat sedikit, saya tahu membaca tapi kurang faham beberapa istilah fesyen dalam nota atau buku yang saya baca
Responden 7	Saya faham isyarat pensyarah walaupun ada yang baru, boleh mendengar dengan alat bantuan pendengaran dan faham pergerakan mulut, jika takfaham saya suka bertanya dan suka cari di internet sendiri
Responden 8	Kurang faham sedikit tapi kalau dengan jurubahasa saya faham, ada belajar semasa semester lepas tapi saya lupa
Responden 9	Tidak sepenuhnya faham isyarat pensyarah, saya boleh faham istilah fesyen tersebut kerana ada belajar semasa semester 1 dan 2
Responden 10	Boleh faham isyarat tangan pensyarah, istilah fesyen tersebut pernah tahu semasa semester lepas boleh ingat jika tengok gambar atau contoh

7.5 Soalan Kajian 2

Jadual 2 menunjukkan soalan kajian 1 dengan tema; Aspek Kemahiran

Responden	Tema: Kemahiran
Responden 1	Tiada kemahiran. Melukis dan melakar pola dengan bantuan. Internet.
Responden 2	Komputer grafik. Membuat pola dengan rujukan buku. Internet.
Responden 3	Tiada kemahiran. Kemahiran menjahit dan membuat pola tetapi perlukan bantuan. Internet.
Responden 4	Kemahiran melukis. Melukis, menjahit dan membuat pola asas seiring dengan pembelajaran didalam kelas. Internet dan majalah.
Responden 5	Pembuatan pakaian lelaki (jahitan). Melukis figura, menjahit dan membuat pola berdasarkan rujukan yang diberi.

	Internet, majalah, tugas pelajar semester lepas.
Responden 6	Kemahiran menjahit pakaian (baju kurung dan baju melayu). Lebih mahir menjahit, dan membuat pola tetapi bukan menggunakan pola blok.
	Internet.
Responden 7	Menjahit. Boleh menjahit sendiri dan faham membuat pola, masih lemah melukis.
	Internet.
Responden 8	Pembinaan domestic. Masih sederhana membuat pola, menjahit dan lemah melukis.
	Internet sahaja.
Responden 9	Bidang Masakan Membuat pola sendiri, menjahit dan lebih kreatif bila melukis
	Internet.
Responden 10	Tiada kemahiran. Saya sentiasa perlu bertanya pensyarah atau rakan untuk membuat pola.
	Internet.

7.6 Soalan Kajian 3

Jadual 3 menunjukkan soalan kajian 1 dengan tema; Aspek Minat

Responden	Tema: Minat
Responden 1	Saya suka membuat tugas daripada bergaul dengan rakan-rakan dan balik kampung pada hujung minggu Saya suka designer dan melihat gaya artis luar negara semuanya melalui internet sahaja
Responden 2	Semua suka main handphone dan lepak bersama kawan tetapi tidak selalu Tidak pernah beli majalah fesyen kecuali semasa semester 2
Responden 3	Saya lebih suka duduk didalam bilik, menyiapkan tugas dan mengemas bilik Saya tengok fesyen bila ada tugas
Responden 4	Suka bergaul bersama rakan serta melayari internet dan berbasikal jarang buka internet berkaitan fesyen, biasanya sebagai rujukan jika melibatkan rekaan untuk kelas tetapi saya suka tengok youtube berkaitan dengan lukisan (ilustrasi)
Responden 5	Saya suka bergaul dengan rakan-rakan Jarang buka internet berkaitan fesyen kecuali untuk rujukan
Responden 6	Saya suka bergaul dengan rakan-rakan dan jalan Buka bila lihat koleksi pakaian untuk mendapatkan idea untuk baju raya
Responden 7	Bermain handphone, lepak diluar bersama kawan Suka berfesyen dan melihat pakaian artis, suka tengok di facebook, Instagram
Responden 8	Lepak bersama kawan, main handphone Tidak pernah membeli buku pola atau majalah, saya buka internet untuk mendapatkan maklumat untuk tugas sahaja
Responden 9	Saya suka bergaul bersama rakan, bermain handphone dan kadang-kadang berbasikal Suka lihat fesyen di Malaysia
Responden 10	Tidur Suka berfesyen dan kadang kadang bergaul dengan kawan-kawan yang tahu tentang fesyen.

7.7 Aspek Bahasa

Responden 1: “Saya boleh memahami tapi kurang faham isyarat yang diberi oleh pensyarah, saya lebih faham jika nota dalam bahasa inggeris”.

Responden 2: “Kadang-kadang ada bahasa isyarat pensyarah yang saya tidak faham, saya akan menggunakan isyarat KTBM (Kod Tangan Bahasa Malaysia), jika pensyarah mengeja perkataan tersebut saya faham tetapi memerlukan penerangan lanjut dengan bantuan isyarat”.

Responden 3: “Saya lebih faham isyarat yang diberi oleh pensyarah sebab ada disertakan contoh, jika isyarat sahaja kadang-kadang ada yang saya tidak faham, jika nota yang diberi biasanya saya tunggu isyarat dari pensyarah atau akan bertanya pada kawan”.

Responden 4: “Saya boleh memahami isyarat pensyarah dan boleh membaca gerak mulut, saya juga boleh memahami nota yang diberi oleh pensyarah”.

Responden 5: “Saya faham isyarat yang diberi oleh pensyarah tapi ada beberapa perkataan yang baru saya jumpa terutama semasa semester 2 dalam kelas Rekaan Pakaian”.

Responden 6: “Saya tidak tahu berbahasa isyarat tapi saya boleh mendengar jika pensyarah bercakap dengan suara yang agak kuat sedikit, saya tahu membaca tapi kurang faham beberapa istilah fesyen dalam nota atau buku”.

Responden 7: “Saya faham isyarat yang diberi oleh pensyarah walaupun ada isyarat yang baru saya tahu, saya boleh mendengar dengan alat bantuan pendengaran dan faham pergerakan mulut, boleh faham dan jika tidak faham saya suka bertanya dan suka cari di internet sendiri”.

Responden 8: “saya kurang faham tapi kalau dengan bantuan jurubahasa saya faham, ada belajar semasa semester lepas tapi saya lupa”.

Responden 9: “Saya tidak faham sepenuhnya isyarat yang diberi oleh pensyarah tapi saya boleh faham istilah fesyen kerana ada belajar semasa semester 1 dan 2”.

Responden 10: “Saya boleh memahami isyarat tangan pensyarah, istilah fesyen juga saya pernah tahu ketika semester lepas dan boleh ingat jika melihat gambar atau contoh”.

7.8 Aspek Kemahiran

Responden 1: “Saya tiada kemahiran teknikal sebelum masuk ke politeknik. Saya boleh melukis dan melakar pola dengan bantuan pensyarah dan kawan-kawan. Saya mendapatkan bahan rujukan melalui internet”.

Responden 2: “Saya mempunyai kemahiran komputer grafik sebelum masuk ke Politeknik. Sekarang saya mampu membuat pola dengan bantuan buku rujukan yang diberi oleh pensyarah. Saya mendapatkan bahan rujukan melalui internet”.

Responden 3: “Saya tiada kemahiran teknikal sebelum masuk ke politeknik. Saya boleh menjahit dan melakar pola dengan bantuan pensyarah dan kawan-kawan. Saya mendapatkan bahan rujukan melalui internet”.

Responden 4: “Saya mempunyai kemahiran melukis sebelum masuk ke Politeknik. Sekarang saya mampu Melukis, menjahit dan membuat pola asas seiring dengan pembelajaran di dalam kelas. Saya mendapatkan bahan rujukan melalui internet dan majalah”.

Responden 5: “Saya mempunyai kemahiran dalam Pembuatan pakaian lelaki (jahitan) sebelum masuk ke Politeknik. Sekarang saya mampu melukis figura, menjahit dan membuat pola berdasarkan rujukan yang diberi oleh pensyarah. Saya mendapatkan bahan rujukan melalui Internet, majalah dan tugas pelajar semester lepas”.

Responden 6: “Saya mempunyai kemahiran dalam Kemahiran menjahit pakaian (baju kurung dan baju melayu) sebelum masuk ke Politeknik. Sekarang saya Lebih mahir menjahit, dan membuat pola tetapi bukan menggunakan pola blok. Saya mendapatkan bahan rujukan melalui Internet”.

Responden 7: “Saya mempunyai kemahiran dalam Kemahiran menjahit sebelum masuk ke Politeknik. Sekarang Boleh menjahit sendiri dan faham membuat pola, masih lemah melukis. Saya mendapatkan bahan rujukan melalui Internet”.

Responden 8: “Saya mempunyai kemahiran Pembinaan domestic sebelum masuk ke Politeknik. Sekarang saya boleh menjahit sendiri dan faham membuat pola, masih lemah melukis. Saya mendapatkan bahan rujukan melalui Internet”.

Responden 9: “Saya mempunyai kemahiran Bidang Masakan sebelum masuk ke Politeknik. Sekarang saya boleh membuat pola sendiri, menjahit dan lebih kreatif apabila melukis. Saya mendapatkan bahan rujukan melalui Internet”.

Responden 10: “Saya tiada kemahiran teknikal sebelum masuk ke politeknik. Saya sentiasa perlu bertanya pensyarah atau rakan untuk membuat pola. Saya mendapatkan bahan rujukan melalui internet”.

7.9 Aspek Minat

Responden 1: “Saya suka membuat tugas di asrama daripada bergaul dengan rakan-rakan dan akan balik ke kampung pada hujung minggu. Saya suka melihat designer dan gaya artis luar negara semuanya melalui internet sahaja”.

Responden 2: “Saya suka bermain handphone dan lepak bersama kawan-kawan tetapi tidak selalu. Saya tidak pernah membeli majalah fesyen kecuali semasa semester 2”.

Responden 3: “Saya lebih suka duduk di dalam bilik asrama menyiapkan tugas dan mengemas bilik. Saya tengok fesyen bila ada tugas”.

Responden 4: “Saya suka bergaul bersama rakan serta melayari internet dan berbasikal tetapi jarang buka internet berkaitan fesyen, biasanya sebagai rujukan jika melibatkan rekaan untuk kelas tetapi saya suka tengok youtube berkaitan dengan lukisan (ilustrasi)”.

Responden 5: “Saya suka bergaul dengan rakan-rakan semasa berada di asrama. Saya jarang buka internet berkaitan fesyen kecuali untuk rujukan”.

Responden 6: “Saya suka bergaul dengan rakan-rakan dan bersiar-siar. Saya akan membuka internet untuk melihat koleksi pakaian untuk mendapatkan idea untuk baju raya”.

Responden 7: “Saya akan bermain handphone, lepak diluar bersama kawan-kawan. Saya juga suka berfesyen dan melihat pakaian artis, suka tengok di facebook serta Instagram”.

Responden 8: “Saya suka lepak bersama kawan dan bermain handphone. Saya tidak pernah membeli buku pola atau majalah, saya buka internet untuk mendapatkan maklumat untuk tugas sahaja”.

Responden 9: “Saya suka bergaul bersama rakan-rakan, bermain handphone dan kadang-kadang berbasikal. Saya juga suka melihat fesyen di Malaysia”.

Responden 10: “Saya akan tidur apabila balik ke asrama. Saya suka berfesyen dan kadang kadang bergaul dengan kawan-kawan yang tahu tentang fesyen”.

Dapatan kajian

Dapatan kajian yang boleh dibincangkan melalui tema kajian bahasa ialah, pelajar boleh memahami Bahasa Isyarat yang digunakan oleh pensyarah walaupun terdapat sedikit perbezaan penggunaan isyarat tangan. Pelajar boleh memahami istilah / isyarat tangan yang digunakan oleh pensyarah apabila mengeja dengan menggunakan isyarat tangan, membaca gerak mulut dan menunjukkan contoh secara visual. Selain daripada itu, pelajar juga mendapat bantuan rakan-rakan terutamanya yang mempunyai kelebihan seperti boleh mendengar dengan bantuan alat pendengaran.

Manakala tema kajian kemahiran pula, kebanyakan pelajar yang mengikuti kursus Sijil Kemahiran Rekabentuk Fesyen dan Pakaian tidak mempunyai kemahiran teknikal dalam bidang membuat pola dan menjahit. Terdapat 3 responden yang mempunyai kemahiran menjahit sebelum masuk ke politeknik. Setelah mengikuti kursus selama 1 tahun ada pelajar yang boleh menghasilkan rekaan, membuat pola dan menjahit pakaian walaupun masih memerlukan bantuan untuk menyiapkan tugas yang diberi. Secara keseluruhannya semua pelajar menggunakan internet untuk mendapat sumber rujukan.

Untuk tema kajian minat pula, pelajar menggunakan masa yang terluang ketika di asrama dengan melakukan aktiviti seperti menyiapkan tugas, berbasikal, bergaul bersama rakan-rakan dan bermain telefon pintar untuk melayari internet. Pelajar ada menunjukkan minat terhadap bidang fesyen tetapi lebih kepada keperluan peribadi seperti mengetahui trend dan gaya pakaian terkini berbanding untuk mempelajari fesyen berdasarkan kepada keperluan kursus.

8.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhan peningkatan kod tangan Bahasa Isyarat Malaysia sangat penting dikalangan pelajar dan pensyarah Kursus Kemahiran Khas di Politeknik. Peningkatan Kemahiran Bahasa Isyarat Malaysia ini perlulah sejajar dengan keperluan kursus yang ditawarkan dalam bidang Rekabentuk Fesyen dan Pakaian.

Perkembangan pesat dan transformasi Bahasa Isyarat ini dapat diketahui melalui latihan dan kursus daripada jurubahasa / tenaga pengajar bahasa isyarat yang terlatih. Peranan ibu bapa dan tenaga pengajar pelajar-pelajar khas untuk memberi pendidikan secara berterusan dengan penambahbaikan seawal didikan seperti membudayakan bacaan, kerap berinteraksi dan berkomunikasi secara formal adalah satu langkah yang terbaik. Kemahiran dalam bidang rekabentuk fesyen dapat dipertingkatkan lagi iaitu tenaga pengajar perlu menggunakan alat bantuan mengajar (ABM) yang dapat menarik perhatian mereka seperti platform yang sedia ada seperti CIDOS eLearning secara kreatif dan inovatif. Menghasilkan satu aplikasi *mobile apps* yang mudah diakses oleh semua pelajar khas seperti kajian asas rekabentuk, teknik menghasilkan lakaran, langkah-langkah membuat pola dan teknik menjahit pakaian dengan cara yang mudah.

9.0 RUJUKAN

- Alias, A., Sharif, N., Baharuddin, N., Hamzah, M., & Zahari, F. (2016). Penerokaan kesan pengajaran dan pembelajaran menggunakan imej visual dalam kalangan pelajar cacat pendengaran. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 145–162.
- Bahasa, P., Tangan, K., & Melayu, B. (2015). *Masalah bahasa di kalangan Pelajar*.
- Hj Nor, S. M., & Rashed, Z. N. (2018). Peranan dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid-Murid Masalah Pendengaran dalam Abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(1), 1–8. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no1.10>
- Mohd Rafi Mamat. (2018). *Pelajar berkeperluan khas mampu bekerja*. September 5, 2018–2020.
- Mohd Tahir, Lokman. Mustaffa, Nurul Qistin dan Mohd Yassin, M. H. (2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, Jilid 24, 73–87.
- Saleh, M., & Intelek, H. (2016). *Mohamad sofee razak*.
- Salleh, Si. S. (2020). Sistem pendidikan khas bantu pelajar OKU kompetitif. *Berita Harian Online*, Mac 7, 3–6. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/662805/sistem-pendidikan-khas-bantu-pelajar-oku-kompetitif>
- Seman, N. H., Omar, M. C., Yusoff, A., & Abdullah, M. Y. (2016). Analisis Permasalahan Pelajar Cacat Pendengaran Dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di Malaysia. *Jurnal Ilmi Ilmi Journal* Jilid, 6, 105–124.
- Wilbur, R. B. (2013). The point of agreement. In *Sign Language & Linguistics* Sign Language and Linguistics (Vol. 16, Issue 2). <https://doi.org/10.1075/sll.16.2.05wil>